

Ustaz Othman Jantan menerusi Radio tentang "takarrub" atau mendampingi roh (untuk meminta tolong atau tidak), Perpensis menegaskan bahawa Ustaz itu ada memetik tulisan Dr. Ahmad Shalaby yang menceritakan pengalaman-nya, antara lain menyebut:

".....kerana apa yang berlaku di-depan mata saya itu tidak boleh saya katakan sa-bagai shahir atau khayalan....."

Nyata-lah, kata Perpensis, dari kata2 Dr. Shalaby itu bahawa memanggil atau mendampingi roh itu bukan shahir.

"Majlis Ugama menyatakan bahawa Ustaz Othman Jantan bukan berchakap bagi pihak Majlis Ugama Islam dan beliau hanya mengutip tulisan Dr. Shalaby. Tetapi Ustaz Othman Jantan dalam ucapan-nya tidak menegaskan bahawa beliau tidak menyetujui tulisan Dr. Shalaby itu.

"Suatu hal lagi," kata Perpensis, "ada-lah sukar untuk di-terima kenyataan Majlis bahawa cheramah Ustaz Othman Jantan di-radio itu bukan pendapat Majlis. Bukanlah rancangan cheramah itu di-anjorkan sendiri oleh Majlis Ugama Islam?" Perpensis bertanya.

Persatuan itu menjelaskan bahawa "sejak ajaran Penchak Silat seperti yang di-amalkan oleh anggota2 Persatuan Penchak Silat Singapura dan juga di-Malaysia pada tahun 1946, banyak fitnah dan hukuman "Shirik" di-lemparkan terhadap-nya.

### Kena fitnah

"Fitnah yang terbaru sekali menyatakan konon-nya Ustaz Taha telah bertaubat di-hadapan "CNief Kadhi", telah di-larang mengajar ugama dan sa-terus-nya konon beliau telah menjadi pengikut Kadiani.

"Walau bagaimana sekali pun amalan ini terus berkembang dan sa-makin ramal pemuda pemudi Islam yang hauskan ilmu pengetahuan dan kebenaran datang berduyun2 mem-lajari ajaran ini. Alhamdulillah dengan izin Allah mereka telah dapat di-pandu ka-jalan yang benar untuk selamat bukan saja di-dunia bahkan juga di-akhirat," tegas kenyataan Perpensis lagi.

Kenyataan itu kemudian menceritakan tentang pertemuan Ustaz Taha dengan Kiyai Anuar Musaddad, sa-orang ulama besar Indonesia ketika beliau berada di-Singapura kali yang akhir sekali, berikutan dari fitnah yang mengatakan bahawa amalan anggota Perpensis ada-lah sesat.

Pertemuan itu berlaku di-rumah Jami'yah Lorong 12, di-saksikan oleh bekas Setiausaha-nya dan beberapa orang terkenal, sa-lama tiga jam.

Kiyai Anuar tidak dapat menghukumkan amalan kami sa-bagai haram kerana shirik atau shahir.

"Dalam pertemuan itu Ustaz Taha telah menjelaskan kepada Ulama Indonesia itu bahawa permainan penchak silat yang di-ajar-nya ia-lah hasil berkat dari membacah beberapa potongan ayat Kur'an dan salawat kepada Nabi s.a.w., serta barkat karamah sa-orang waliullah, yang menurut manakib-nya, belum meninggal dunia, sa-bagaimana Nabi Hidir juga yang belum wafat."

Akhir-nya Perpensis menekankan bahawa "dalil2 yang di-kemukakan oleh Majlis dalam surat-nya kepada Perpensis mengenai hukum-nya itu tidak memuaskan kechuall ajaran itu telah di-kupas sadalam2-nya dalam suatu majlis forum terbuka.

"Jika Majlis menolak juga anjoran forum terbuka itu, kami dan masharakat Islam di-Singapura menolak hukuman tersebut, kerana Majlis kurang yakin dan tidak sanggup bertanggung jawab atas fatwa yang di-putuskan-nya sendiri "dengan sa-bulat suara."

"Majlis akan bertanggung jawab di-Hari Mahshar kelak jika ia tidak sanggup berterus terang dan berani menghadapi soalan2 terhadap-nya. Sa-buah majlis forum terbuka saja dapat menyelesaikan perkara ini tegas Perpensis lagi.

## TAK PERCHAYA FORAM TERBUKA

# Majlis Ugama jawab Taha Suhaimi mengenai fatwa-nya

MAJLIS Ugama Islam hari ini menyatakan bahawa pendapat Persatuan Penchak Singapura bahawa sa-suatu fatwa yang di-putuskan oleh Majlis dan tidak oleh jawatankuasa fatwa berarti fatwa itu tidak di-chapai sa-chara sa-bulat suara "ada-lah tidak benar."